

Dr. M arah Nazri susun MARA

Oleh ZULKIFLEEBAKAR

KUALA LUMPUR 13 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan Pengerusi MARA yang baru, Senator Nazri Tan Sri Aziz supaya menyusun semula organisasi itu.

"Ini penting supaya MARA dapat memainkan peranan utamanya membantu bumiputera dalam bidang ekonomi dan bukannya menumpukan kepada perkara-perkara lain," kata Dr. Mahathir hari ini.

Menurutnya, arahan itu disampaikan kepada Nazri dalam pertemuan baru-baru ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas majlis penyampaian bantuan kepada pertubuhan dan anak yatim di Masjid Negara di sini, Dr. Mahathir juga ditanya adakah benar Nazri akan melaporkan terus segala urusan pentadbiran MARA kepada beliau dan tidak kepada Menteri Perusahaan

Awam, Dato' Dr. Yusof Noor.

Perdana Menteri berkata: "Hantar pada Menteri juga tetapi salinan pada saya kerana saya pun hendak tahu."

Beliau juga berkata, walaupun kerajaan mempunyai banyak agensi, tetapi MARA adalah badan yang pertama ditugaskan untuk membantu bumiputera dalam ekonomi.

Sementara itu, Nazri ketika ditemui oleh pemberita di majlis yang sama berkata, beliau masih belum menerima surat rasmi mengenai perlantikannya itu.

"Bagaimanapun saya akan mengadakan pertemuan dengan Yusof Noor Isnin ini," katanya.

Mengenai Pasaran Saham Bumiputera (PSB), Dr. Mahathir berkata ia wajar ditutup memandangkan syarikat-syarikat bumiputera kini sudah mampu disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

LIHAT MUKA 4

Sambungan dari muka 1

Dr. M arah Nazri susun MARA

Katanya, langkah itu juga selaras dengan dasar kerajaan yang tidak mahu ekonomi bumiputera dan ekonomi kaum lain diasingkan.

"Pengasingan ekonomi boleh menampakkan seolah-olah kaum bumiputera tidak berkemampuan," katanya.

Beliau berkata, memandangkan peningkatan ekonomi yang dicapai oleh syarikat-syarikat bumiputera kini peranan PSB semakin berkurangan.

"Kini kita lihat banyak syarikat bumiputera sudah menjadi besar dan mampu disenarai dalam BSKL, oleh itu kita rasa tidak begitu penting PSB diadakan," katanya. Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, PSB akan diteruskan jika diperlukan.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, PSB sudah mencapai matlamatnya memandangkan syarikat bumiputera kini sudah mampu disenaraikan di BSKL.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar kelmarin, mengenai PSB yang dijangka ditutup berikutan lima syarikat yang disenaraikan di bursa itu mahu meninggalkannya untuk disenaraikan di BSKL.

Syarikat tersebut ialah, S.J. Kumpulan Berhad (S.J.), Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad (SPK), Syarikat Kenderaan Melayu Bersatu (SKMK), Utusan Melayu (M) Berhad dan MIT Holdings Berhad (MIT).